

# Peluang lebih luas untuk usahawan Korea labur modal

Dari ZAINUDDIN AYIP

SEOUL, Rabu — Usahawan Korea diberi peluang seluas-luasnya untuk melabur modal dalam industri yang berasaskan bahan-bahan mentah yang ada di Malaysia, seperti balak, getah, tin, minyak sawit, koko dan petroleum.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika memberi jaminan ini berkata, Malaysia juga membentangkan hasil keluaran industri mereka untuk diekspor, selain dipasarkan dalam negeri.

"Pada pendapat saya, penyertaan seperti itu bukan saja direstui oleh pucuk pimpinan negara, tetapi juga rakyat Malaysia termasuk golongan pekerjaannya," katanya.

Beliau memberi contoh, Korea kini banyak mengimport kayu balak dari Malaysia untuk diproses dan dijadikan perabot untuk diekspor.

Adalah lebih baik jika usahawan Korea itu membina kilang berasaskan kayu untuk membuat perabot, pintu dan sebagainya di Malaysia kerana mereka tidak akan menghadapi masalah mendapatkan bahan mentah serta tenaga pekerja, jelas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian dalam satu majlis jamuan tengah hari yang diberikan oleh beberapa badan dan

peratuan perniagaan Korea di sini hari ini.

Sambil mengalu-alukan penyertaan usahawan Korea dalam melabur modal di Malaysia, Perdana Menteri berkata, mereka tidak harus memikirkan soal keuntungan saja. "Jika boleh, mereka harus aktif sebagai rakan untuk membangunkan Malaysia," jelasnya.

Sehingga ini, tambah beliau, kebanyakan syarikat Korea melabur modal di bidang bilangan, iaitu membuat infrastruktur seperti lebuh raya, jambatan, rumah dan janakuasa elektrik.

"Itulah sebabnya kerajaan menggalakan mereka mempeibagalkan penyertaan pelaburan di bidang lain, termasuk membentuka kilang yang berasaskan bahan-bahan mentah," katanya.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan pengalaman Korea yang mula memajukan tarungnya di bidang perindustrian, Malaysia berharap dapat meningkat dan memodenkan bidang ekonomi serta perdagangan seperti Korea juga.

Rancangan mengindustrialkan negara, kata beliau, kini di peringkat permulaan

dan usaha-usaha mememastikannya diharap berjaya dalam masa yang singkat.

"Untuk mencapai tujuan itu, kami memerlukan kemahiran dan tenaga pekerja yang terlatih dan kami mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Korea kerana membuka peluang latihan kepada pelajar-pelajar Malaysia," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin rancangan latihan ini akan menguntungkan kedua-dua pihak. "Korea juga akan mendapat faedahnya bila menyertai pelbagai projek di Malaysia," katanya lagi.

Beliau kemudian mencadangkan supaya usahawan-usahawan Korea tidak menghadkan import hanya kepada bahan-bahan mentah Malaysia dan mengekspor keluaran besi serta simen saja.

Pasaran Malaysia, katanya, adalah bercorak terbuka dan usahawan-usahawan Korea boleh menghubungi pembekal-pembekal Malaysia untuk mengimport barang-barang yang tidak ada di sini.

Perdana Menteri kemudian mengajak Korea meningkatkan kerjasama dua hala dalam perusahaan perkapalan dan perkhidmatan udara.

Usaha-usaha ini, jelasnya, akan memudahkan urusan dan mengeratkan kerjasama kedua-dua negara, khususnya di bidang ekonomi.

Sementara itu, Malaysia juga membuka peluang yang lebih luas kepada syarikat-syarikat swasta Korea untuk menjual hasil keluaran mereka kepada rakyat Malaysia.

Mereka digalakkan membuka kedai atau gedung-gedung perniagaan, terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, untuk menjual dan memperkalkan barang-barang Korea.

Tawaran ini dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pertemuan dengan rakan sejawatnya, Enck Kim Sang-Hyup, semalam.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri... 5862  
No. Penerbitan... 179 / 86